

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 5, 2018 3:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Silaturahmi Aidilfitri Wadah Erat Hubungan Warga UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2018 / 21 SYAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MAJLIS SILATURAHIM AIDILFITRI WADAH ERAT HUBUNGAN WARGA UUM



UUM ONLINE: Kemeriahan sambutan Majlis Silaturahmi Aidilfitri hari ini telah menemukan warga UUM dan masyarakat sekitar dalam suasana riang ria, bersalaman dan bermaaf-maafan sambil menjamu selera di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir berkata, Syawal merupakan kemuncak kebahagiaan bagi setiap insan yang berjaya mengikuti tarbiah Ramadan dan tuntutan kembali kepada fitrah demi mengharapkan rahmat Ilahi dalam segala aspek kehidupan.

"Majlis ini merupakan satu tradisi yang disambut saban tahun oleh warga UUM selaras dengan tuntutan agama agar merapatkan silaturahmi.

“Memandangkan pada masa ini terdapat seramai 3,000 staf akademik dan pentadbiran yang aktif termasuk 500 staf UMHSB dan Koperasi, majlis ini merupakan antara wadah yang dapat menjalin hubungan mesra warga UUM,” luahnya.

Sambutan ini juga ulasnya, dapat memupuk tradisi warisan, semangat bergotong-royong dalam kalangan staf bagi mengurus dan menyediakan pelbagai juadah seperti nasi tomato, sate, lemong dan rendang rusa hasil gabungan kerjasama universiti dengan kelab PTJ.

“Semangat bergotong-royong ini harus dilestarikan agar menjadi teladan khususnya kepada orang muda yang akan memimpin pada masa yang akan datang,” katanya.

Dalam pada kita meraikan hari yang mulia tambahnya, jangan lupakan mereka yang kurang berkemampuan, anak-anak yatim, orang tua-tua, orang kelainan upaya, fakir miskin, dan mereka yang dilanda bencana.

“Sempena bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berbahagia Dato’ Seri Naib Canselor dan seluruh warga UUM atas pelbagai pencapaian yang diperoleh khususnya pada tahun ini,” ucapnya.

Beliau gembira apabila UUM melonjak 100 anak tangga pada kedudukan 601-650 dalam senarai terbaharu QS World University Rankings 2019, berbanding dengan kedudukan 701-750 pada tahun sebelumnya.

“Lonjakan ini meletakkan UUM setaraf dengan universiti dunia yang lebih tua dan terkenal seperti University of Thammasat, Thailand; University of Canberra, Australia; University of Keele, United Kingdom dan City University of New York, USA.

“UUM turut disenaraikan di kedudukan 101-150 universiti terbaik dunia di bawah usia 50 tahun melalui kaji selidik QS World University Rankings,” tambahnya.

Ujarnya, segala pencapaian yang diperoleh sebenarnya hasil daripada rasa kasih sayang warga UUM terhadap universiti dan negara.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.